

## **PM Singapura Berlepas Pulang Selepas Hadiri Pemukiman Pemimpin M'sia-S'pura Bernama**

**7 Apr, 2014**

SEPANG, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong Isnin berlepas pulang ke Singapura dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, selepas menghadiri Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura kelima.

Hadir bagi mengucapkan selamat jalan kepada beliau dan isteri Ho Ching ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Othman Hashim.

Terdahulu, Lee bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan mesyuarat perwakilan di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra sempena pemukiman itu.

Pemukiman itu merupakan satu platform untuk kedua-dua pemimpin meneliti hubungan dua hala yang wujud antara kedua-dua negara.

Beliau dan para delegasi yang berada di Malaysia selama dua hari turut meluangkan masa melawat Menara Berkembar Petronas dan bersiar-siar di pusat membeli belah di ibu negara semalam.

Mereka turut diraikan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor dalam jamuan makan malam di Tasik River Cruise, Putrajaya semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028534>